



## PELAKSANAAN E-INVOIS DI MALAYSIA

### SOALAN LAZIM

(DIKEMASKINI PADA 13 OKTOBER 2023)

#### **BAHAGIAN 1: SOALAN LAZIM UMUM**

##### **1. Adakah e-Invois terpakai kepada transaksi di Malaysia sahaja?**

Tidak, e-Invois terpakai bagi transaksi domestik dan rentas sempadan. Transaksi rentas sempadan merangkumi aktiviti import dan eksport.

Sebagai pencerahan, kewajipan pematuhan adalah dari perspektif pengeluaran e-Invois. Dalam erti kata lain, pembayar cukai yang berada dalam perolehan tahunan atau ambang pendapatan seperti yang dinyatakan dalam seksyen 1.5 Garis Panduan e-Invois dikehendaki mengeluarkan dan mengemukakan e-Invois untuk pengesahan LHDNM mengikut garis masa pelaksanaan yang ditetapkan.

##### **2. Adakah terdapat sebarang sesi libat urus dengan LHDNM?**

LHDNM menjalankan beberapa sesi libat urus secara aktif dengan pemain industri, pengamal percukaian, badan profesional dan pihak berkepentingan yang dikenal pasti untuk menyampaikan maklumat yang komprehensif mengenai pelaksanaan e-Invois di Malaysia termasuk:

- berkongsi perancangan pelan tindakan, strategi, dan status perkembangan pelaksanaan e-Invois; dan
- Mendapatkan maklum balas dan pandangan melalui komunikasi dua hala antara LHDNM dan pembayar cukai mengenai pelaksanaan e-Invois.

##### **3. Siapa yang harus dihubungi bagi sebarang isu atau pertanyaan?**

Untuk sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan e-Invois di Malaysia, sila kemukakan e-mel kepada [myinvois@hasil.gov.my](mailto:myinvois@hasil.gov.my)

##### **4. Apakah model e-Invois yang akan diguna pakai?**

LHDNM akan mengguna pakai Model *Continuous Transaction Control* (CTC) di mana pengesahan dilakukan dalam masa hampir serta-merta.

##### **5. Apakah ambang pendapatan yang terpakai kepada pembayar cukai untuk pelaksanaan e-Invois?**

Semua pembayar cukai dikehendaki melaksanakan e-Invois berdasarkan julat perolehan atau pendapatan tahunan.

Bagi syarikat, julat perolehan atau pendapatan tahunan merujuk kepada perolehan tahunan atau nilai pendapatan seperti yang dinyatakan dalam penyata pendapatan komprehensif (*Statement of comprehensive income*) dalam Penyata Kewangan Beraudit Tahun Kewangan 2022.

Rujuk Seksyen 1.5 dalam Garis Panduan e-Invois untuk maklumat lanjut.

**6. Adakah semua industri terlibat dalam pelaksanaan e-Invois? Adakah terdapat industri yang dikecualikan?**

Pada masa ini, tiada industri yang dikecualikan daripada pelaksanaan e-Invois.

Walau bagaimanapun, individu atau pihak tertentu dan jenis pendapatan dan perbelanjaan tertentu adalah dikecualikan daripada pelaksanaan e-Invois. Rujuk seksyen 1.6 Garis Panduan e-Invois untuk maklumat lanjut.

**7. Adakah semua perniagaan dikehendaki mengeluarkan e-Invois?**

Ya, semua perniagaan dikehendaki untuk mengeluarkan e-Invois berdasarkan garis masa pelaksanaan mandatori berfasa, mengikut perolehan tahunan atau ambang pendapatan perniagaan.

**8. Adakah terdapat sebarang pelarasan yang dibenarkan kepada penjual untuk membatalkan invois yang dikemukakan kepada LHDN?**

Ya, e-Invois boleh dibatalkan oleh penjual dalam tempoh masa 72 jam. Rujuk seksyen 2.4.6 Garis Panduan e-Invois untuk maklumat lanjut

**9. Adakah LHDN akan memberikan panduan teknikal berhubung integrasi sistem?**

Ya, Software Development Kit (SDK) akan disediakan bagi memudahkan integrasi sistem.

## **BAHAGIAN 2: SOALAN LAZIM SKOP DAN PROSES**

**10. Bagaimanakah cara untuk pembayar cukai mengeluarkan e-Invois kepada bukan pemegang TIN contohnya pembeli asing (bukan warganegara Malaysia)?**

Penjual dikehendaki mendapatkan butiran pembeli daripada pembeli asing bagi tujuan pengeluaran e-Invois.

Penjual boleh menggunakan "E10000000020" untuk dimasukkan ke dalam e-Invois bagi pembeli asing tanpa TIN. Rujuk seksyen 10.5 Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk maklumat lanjut.

**11. Apakah tempoh masa untuk mengeluarkan pelarasan e-Invois (contohnya, nota debit dan nota kredit) selepas tempoh pengesahan 72 jam?**

Tiada sebarang penetapan had masa kepada penjual untuk mengeluarkan pelarasan e-Invois. Pembayar cukai boleh mengikut polisi syarikat masing-masing bagi sebarang pelarasan e-Invois.

Oleh kerana penjual dan/atau pembeli asing biasanya tidak menggunakan sistem MyInvois, sebarang penyesuaian e-Invois akan dilakukan melalui pengeluaran nota debit, nota kredit, dan bayaran balik e-Invois.

**12. Sebelum pelaksanaan sepenuhnya, berkemungkinan terdapat penjual yang tidak mengeluarkan e-Invois kerana belum mencapai fasa / tarikh pelaksanaan mandatori. Dalam keadaan ini, adakah LHDNM akan menerima invois biasa yang dikeluarkan oleh penjual yang terlibat?**

Semasa tempoh peralihan, semua pembayar cukai akan dibenarkan untuk menyediakan sama ada bil / resit / invois biasa (mengikut amalan perniagaan semasa) atau e-Invois yang disahkan untuk membuktikan transaksi bagi tujuan cukai sehingga pelaksanaan penuh telah dilaksanakan.

13. Adakah portal MyInvois membenarkan e-Invois dijana dan disimpan dalam bentuk draf sebelum dimuktamadkan dan dikeluarkan?

Ya, penjual boleh menjana e-Invois dalam bentuk draf atau proforma. e-Invois hanya akan diterima untuk tujuan cukai setelah proses pengesahan berjaya.

14. Adakah portal MyInvois membenarkan pengeditan maklumat selepas e-Invois telah disahkan oleh LHDNM?

Tidak, penjual perlu membatalkan e-Invois dalam tempoh 72 jam dari masa pengesahan dan mengeluarkan semula e-Invois baharu.

Sebarang perubahan selepas 72 jam dari masa pengesahan akan memerlukan penjual untuk mengeluarkan e-Invois baharu (cth., nota debit, nota kredit, nota bayaran balik e-Invois) sebagai pelarasan bagi e-Invois asal yang dikeluarkan. Selepas itu, e-Invois baharu perlu dikeluarkan sewajarnya.

15. Apakah pengesahan yang dilakukan oleh LHDNM dalam e-Invois?

Pengesahan LHDNM merangkumi satu siri semakan untuk memastikan e-Invois yang dikemukakan kepada LHDNM mematuhi format e-Invois dan struktur data seperti yang ditetapkan oleh LHDNM. Rujuk seksyen 2.4.3 Garis Panduan e-Invois untuk maklumat lanjut.

16. Adakah nombor invois penjual akan kekal dalam dokumen invois atau nombor invois yang berbeza akan diberikan oleh LHDNM setelah pengembalian e-Invois yang disahkan kepada penjual?

Nombor invois penjual akan kekal sebagai medan berasingan dalam dokumen invois yang sama bagi tujuan rujukan dan penjejakan dalaman penjual.

Selepas pengesahan, penjual akan menerima e-Invois yang disahkan, bersama-sama dengan tarikh dan masa pengesahan, pautan pengesahan dan nombor ID unik yang diberikan oleh LHDNM.

17. Adakah e-Invois diperlukan untuk pengeluaran dan pembayaran balik?

e-Invois mungkin diperlukan untuk pengeluaran dan pembayaran balik, tertakluk kepada keadaan. Rujuk seksyen 5 Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk maklumat lanjut.

18. Adakah e-Invois diperlukan untuk mengembalikan wang kepada pembeli?

Ya, nota bayaran balik e-Invois diperlukan bagi pengembalian wang kepada pembeli, dengan pengecualian berikut:

1. Kesilapan membuat bayaran oleh pembeli
2. Lebihan bayaran oleh pembeli
3. Pemulangan deposit sekuriti

19. Berhubung dengan pembelian barangan daripada penjual asing, bilakah pembeli Malaysia dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri?

Pembeli Malaysia dikehendaki mengeluarkan e-invois bil sendiri sebaik sahaja kelulusan JKDM diperolehi ke atas barangan import. Pembeli perlu memasukkan butiran yang sesuai seperti yang disenaraikan dalam lampiran e-Invois berhubung pengimportan barangan.

20. Adakah terdapat keperluan pendaftaran bagi penyedia teknologi untuk mengambil bahagian dalam pelaksanaan?

Tiada keperluan pendaftaran pada masa ini. Walau bagaimanapun, penyedia teknologi bertanggungjawab untuk memastikan fungsi dan kebolehpercayaan integrasi API mereka dengan LHDNM.

21. Adakah penyedia teknologi perlu memohon pensijilan di Malaysia untuk menyediakan penyelesaian e-Invois CTC?

Tiada keperluan buat masa ini. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada perubahan pada masa akan datang. Sila rujuk portal rasmi LHDNM untuk sebarang maklumat terkini mengenai kedudukan terkini.

### **BAHAGIAN 3: SOALAN LAZIM SISTEM, KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN DATA**

22. Adakah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 mengawal-selia pemprosesan e-Invois?

Ya, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 mengawal-selia pemprosesan e-Invois berhubung transaksi komersial.

Maklumat peribadi seperti nama, alamat dan butiran alamat e-mel biasanya dikumpulkan dan diproses secara dalam talian. Pengumpulan dan pemprosesan data peribadi dibenarkan dengan syarat persetujuan diperoleh dari subjek data. Ini disokong oleh prinsip umum seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 6 (1) Akta Data dan Perlindungan Peribadi 2010, yang menyatakan bahawa pengguna data tidak boleh memproses data peribadi, iaitu selain daripada data peribadi sensitif, mengenai pemilik data melainkan pemilik telah memberikan persetujuannya untuk memproses data peribadi.

Untuk tujuan pengeluaran e-Invois, pembayar cukai dikehendaki mendapatkan persetujuan daripada pelanggan mereka dengan sewajarnya.

23. Adakah penyelesaian API menawarkan perkhidmatan keselamatan dan penyulitan (*encryption*)?

Ya, melalui alat pemantauan Rangkaian & Keselamatan yang diperlukan untuk memastikan keselamatan dan privasi data. Selain itu, penyelesaian API akan menggunakan protokol penyulitan (*encryption*) standard industri untuk memastikan maklumat yang dihantar kekal sulit dan selamat.

24. Bagaimanakah LHDNM memantau dan mengaudit keselamatan dan privasi data e-Invois?

LHDNM mengamalkan standard keselamatan data yang tinggi dalam menguruskan data pembayar cukai. Ini adalah langkah-langkah yang akan diambil dalam memantau dan mengaudit keselamatan dan privasi data e-Invois:

1. LHDNM akan menilai keperluan perlindungan data. Sebelum LHDNM mula memantau dan mengaudit keselamatan dan privasi data e-Invois, LHDNM akan mengenal pasti jenis data yang dikumpulkan, diproses, disimpan, dan dikongsi melalui Sistem MyInvois. Dengan adanya proses tersebut, LHDNM akan memahami kewajipan undang-undang dan kontrak yang dikenakan pada data, seperti undang-undang privasi data atau piawaian industri tertentu. Berdasarkan keperluan perlindungan data, LHDNM boleh menentukan dasar-dasar dan objektif keselamatan dan privasi data.

2. Pelaksanaan kawalan perlindungan data untuk melindungi data e-Invois daripada capaian, pengubahsuaian, kehilangan, atau pendedahan tanpa kebenaran. LHDNM akan melaksanakan kawalan teknikal dan organisasi yang sesuai. Ini mungkin termasuk penyulitan (*encryption*), pengesahan, kawalan akses, sandaran (*backup*), firewall, antivirus dan pencatatan akses (*logging*).
3. Pemantauan dan pengauditan prestasi dan insiden perlindungan data. Ini boleh dilakukan dengan membandingkan prestasi dengan objektif dan amalan terbaik industri serta melaporkan, menyasat, menyelesaikan dan mempelajari daripada sebarang pelanggaran data, kesilapan, aduan atau pelanggaran yang mungkin menjejaskan data e-Invois.
4. Mengkaji dan meningkatkan amalan perlindungan data. LHDNM akan menggunakan keputusan aktiviti pemantauan dan pengauditan untuk mengenal pasti sebarang jurang, kelemahan atau ruang untuk penambahbaikan dalam dasar-dasar perlindungan data, kawalan, prestasi atau insiden.

**25. Adakah terdapat sebarang aplikasi khusus yang diperlukan untuk mengimbas kod QR?**

Kod QR hanya akan mengandungi pautan ke e-Invois yang disahkan. Oleh itu, mana-mana peranti (contohnya, kamera mudah alih, aplikasi pengimbas kod QR) yang mampu mengimbas kod QR boleh digunakan untuk mengimbas kod QR.

**26. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh LHDNM dalam melindungi kerahsiaan e-Invois yang dikemukakan kepada LHDNM?**

LHDNM akan memastikan bahawa data sentiasa terjamin dengan mematuhi 'Dasar Keselamatan ICT LHDNM and Surat Pekeliling Am: Garis Panduan Pengurusan Maklumat Melalui Perkomputeran Awan (*Cloud Computing*) Dalam Perkhidmatan Awam'.

Untuk melindungi e-Invois daripada capaian, pengubahsuaian, kehilangan atau pendedahan tanpa kebenaran, LHDNM akan mematuhi piawaian industri dan melaksanakan langkah keselamatan siber yang sesuai termasuk penyulitan, pengesahan, kawalan akses, *firewall* dan lain-lain.

Selain itu, LHDNM akan memastikan bahawa sistem ini mematuhi dan diperakui dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001 (ISMS) dan Sistem Pengurusan Kesenambungan Perniagaan ISO 22301 (BCMS).

**27. Apakah format fail yang dihantar ke LHDNM bagi tujuan pengesahan?**

Penjual perlu menjana e-Invois dalam format fail XML atau JSON untuk dihantar ke LHDNM bagi tujuan pengesahan.

**28. Bolehkah syarikat menggunakan gabungan mekanisme penghantaran (API dan Portal MyInvois)?**

Ya. Pembayar cukai disyorkan untuk melakukan penyesuaian bagi memastikan tiada e-Invois pendua yang dikemukakan kepada LHDNM

**29. Apakah penyelesaian sekiranya sistem MyInvois tergendala?**

Sistem akan tersedia 99.97% sepanjang masa. Walau bagaimanapun, sekiranya sistem LHDNM tidak berfungsi, penjual diberi tempoh 72 jam untuk mengeluarkan e-Invois sebaik sahaja sistem kembali tersedia. Mekanisme percubaan semula akan dilaksanakan dalam sistem penjual untuk menghantar e-Invois sebaik sahaja sistem kembali tersedia.

Bagi Portal MyInvois, penjual perlu menyemak portal secara berkala untuk menentukan sistem telah kembali tersedia dalam talian. Rujuk seksyen 14.4 Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk maklumat lanjut.

**30. Bolehkah pembayar cukai menggunakan rangkaian Peppol sebagai mekanisme penghantaran e-Invois?**

Pembayar cukai dibenarkan memilih kaedah penghantaran yang paling sesuai dengan sifat dan aktiviti perniagaan mereka. Sebarang pusat akses di pasaran yang boleh mematuhi keperluan API LHDNM adalah dialu-alukan. Rujuk seksyen 2.2 Garis Panduan e-Invois untuk maklumat lanjut.

**31. Adakah Portal MyInvois dapat menerima sejumlah besar e-Invois daripada pembayar cukai?**

Portal MyInvois menyokong penjanaan e-Invois individu dan berkelompok melalui muat naik hamparan untuk memproses pelbagai transaksi.

Sistem MyInvois akan menjalani ujian dengan jumlah anggaran sebenar e-Invois sebelum ia disiarkan secara langsung. Di samping itu, ia direka untuk meningkatkan sumber pengkomputeran tambahan apabila diperlukan.